

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA BIASISWA
SMK SERI MAHKOTA
BIL 1 TAHUN 2020

Tarikh : 11 Februari 2020
Masa : 2.30 petang
Tempat : Bilik Tayang

KEHADIRAN :

HADIR :

1. Pn. Hjh Norsiah Binti Hamid	GPK HEM
2. Pn. Norlida bt Wahi	Setiausaha
3. Ustazah Siti NorSyuhada bt Nik Soh	JK Ting 1
4. Ustazah Nurul Syuhada bt Ali	JK Ting 2
5. Ustazah Noor Salwati bt Khalid	JK Ting 3
6. Pn. Norhafizah bt Mahadi	JK Ting 4
7. Pn. Norzalina bt Lamin	JK Ting 5
8. Pn. Zaleha bt Husin	TAPEM
9. Pn Rohana bt Md Sahi	KWAPM

Urus Setia Mesyuarat

Pn. Norlida bt Wahi- Setiausaha

1.0 PERUTUSAN PENTERUSI

- 1.1 Mengucapkan terima kasih dan syukur ke hadrat Ilahi kepada guru-guru yang hadir untuk mesyuarat Jawatankuasa Biasiswa Bil. 1 2020. Beliau juga mengharapkan semua JK dapat memberi kerjasama dan dapat menjalankan tugas masing-masing sepanjang tahun 2020 ini.

Makluman

- 1.2 Pn. Hjh Norsiah bt Hamid (GPK Hem) juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua JK kerana telah terpilih semula sebagai JK Guru Biasiswa pada tahun 2020. Beliau mengharapkan agar semua guru dapat bekerjasama dan dapat menjalankan tugas dengan baik sepanjang tahun 2020 ini.

Makluman

- 1.3 Pn. Hjh Norsiah menyatakan bahawa Unit Biasiswa juga tidak kurang penting dalam membantu murid-murid yang layak memohon untuk mendapatkan bantuan persekolahan murid-murid.

Makluman

2.0 PENGESAHAN MINIT

- 2.1 Pencadang : Ustazah Nurul Syuhada bt Ali
Penyokong : Ustazah Noor Salwati bt Khalid

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

- 3.1 Tiada perkara berbangkit

4.0 HAL-HAL LAIN

- 4.1 Biasiswa Kecil Persekutuan – Pn Norlida bt Wahi(S/U JK Biasiswa)
- Borang permohonan biasiswa BKP telah diedarkan kepada semua guru tingkatan pada 3 Feb 2020 untuk diberikan kepada murid layak memohon.
 - Seramai 390 murid yang layak memohon atas kapasiti pendapatan RM1500 dan ke bawah. Yang layak memohon ialah 79 orang bagi tingkatan 1, 71 orang bagi tingkatan 2, 72 orang bagi tingkatan 3, 97 orang bagi tingkatan 4 dan 71 orang bagi tingkatan 5.
 - Setakat ini seramai 47 orang telah didaftar masuk ke dalam sistem bagi yang layak berdasarkan keputusan peperiksaan dan hampir layak.
 - Tarikh akhir menghantar borang permohonan pada 20 Februari 2020.

- e. Tarikh ‘key in’ online bermula 6 Februari hingga 9 Mac 2020.
- f. Masalah yang sama masih timbul iaitu borang permohonan yang tidak lengkap disertakan dengan slip peperiksaan dan slip pengesahan pendapatan serta lampiran Borang B.
- g. Ramai pelajar yang layak memohon tidak layak untuk dipanjangkan permohonan disebabkan tidak cukup merit bagi peratusan markah layak peperiksaan.
- h. Permohonan BKP harus dipohon setiap tahun oleh murid yang layak memohon.
- i. Semua permohonan telah diagih-agihkan kepada JK tingkatan masing-masing untuk menentukan murid yang betul-betul layak memohon dan sedang didaftar ke dalam sistem online BKP mulai 6 Februari yang lepas sehingga 9 Mac 2020 nanti.

Tindakan : JK Tingkatan 1-5
dan Pn. Norlida bt Wahi

- 4.2 Biasiswa Bank Negara- Pelajar Cemerlang PT 3 sekurang-kurangnya 8A 2019
- a. Sekolah menghantar satu pencalonan bagi Biasiswa Bank Negara – NOR AMIRAH NADZIRAH BINTI RASHIDI (8A PT 3) tetapi kurang layak dari segi pendapatan ibu bapa kerana melebihi RM2000 (Pendapatan ibu RM3080)
- Makluman
- 4.3 Biasiswa Khazanah Global-Watan – Syarat 8A dan pendapatan isi rumah bawah RM4000
Tiada pencalonan bagi biasiswa ini kerana tiada calon yang layak.
- Makluman
- 4.4 Skim Biasiswa Sukan
- a. Permohonan Skim Biasiswa Sukan dibuka kepada murid-murid yang pernah mewakili sukan ke peringkat kebangsaan.
 - b. Permohonan online belum dibuka bagi sesi 2020
- Tindakan : Pn. Norlida bt Wahi
- 4.5 TABUNG AMANAH PENDIDIKAN NEGERI MELAKA (TAPEM) - Pn. Zaleha bt Husin
- a. Permohonan telah dibuka kepada 10 orang murid yang lahir di Melaka yang cemerlang dan isirumah berpendapatan bawah RM1500 setiap tahun.
 - b. Permohonan adalah secara online dan masih belum dibuka untuk permohonan.
 - c. Bagi murid yang berpindah keluar dari SMK Seri Mahkota kelayakan akan dihentikan serta merta.
 - d. Tabung TAPEM layak membayai murid tersebut dari tingkatan 1 hingga 5.
- Makluman
- Tindakan : Pn. Zaleha bt Husin
- 4.6 Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) - Pn Rohana bt Md Sahi
- a. Permohonan bantuan KWAPM dilaksanakan secara atas talian menggunakan Sistem Aplikasi Pengurusan Bantuan (APB) yang akan dibuka mulai 17 Februari hingga 6 Mac 2020 (Permohonan dan pengesahan di peringkat sekolah).
 - b. Bantuan KWAPM ini hanya untuk murid tingkatan 1 sahaja.
 - c. Data permohonan adalah berdasarkan data murid yang telah dikemaskini dalam APDM sehingga 31 Januari 2020.
 - d. Had kelayakan pendapatan isi rumah bagi permohonan KWAPM ialah RM960 dan per kapita bawah RM244.
 - e. Bagi tahun 2019, seramai 64 orang murid tingkatan 1 layak mendapat bantuan KWAPM.
- Tindakan : Pn Rohana bt Md Sahi
- 4.7 Pengeluaran wang bagi BKP pada tahun ini 2020 ialah RM300 bagi setiap 2 bulan. Pihak bank secara ‘automatik’ blok kan pengeluaran.
- Makluman

- 4.8 Biasiswa akan dibatalkan bagi murid-murid yang melakukan kes-kes disiplin yang berat. Bagi kes disiplin berat, murid yang pernah mendapat BKP tahun sebelum akan digantung 1 tahun permohonan.

Makluman

- 4.9 CARTA ORGANISASI JK BISISWA 2020

JK harus membina carta organisasi bagi JK Biasiswa dan dipamerkan di papan kenyataan HEM.

Tindakan : Pn. Norlida bt Wahi

5.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.30 petang dengan ucapan terima kasih daripada pengurus kepada semua ahli yang hadir dan mengharapkan agar semua guru dapat bekerjasama dan dapat menjalankan tugas dengan baik.

Disediakan oleh,

Pn Norlida binti Wahi

Setiausaha,

JK Biasiswa SMKSM 2020